**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

# PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR

**45/1**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**TINGKATAN 3**
**Kertas 1**
**Julai/Ogos**
**2 jam** **Dua jam**

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian iaitu* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab* **satu** *soalan daripada* **Bahagian A** *dan* **semua** *soalan dalam* **Bahagian B.**
3. *Semua jawapan hendaklah dijawab pada kertas jawapan yang disediakan.*

*Disediakan oleh:* AKRAM NEGERI TERENGGANU
*Dengan Kerjasama:* MPSM NEGERI TERENGGANU
*Dibiayai oleh:* KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

***Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak***

WWW.SMKADG.COM

**Bahagian A**
**[ 20 markah ]**

*Bahagian ini mengandungi* **dua** *soalan. Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

1 (a) Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ
لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ
فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

(سورة آل عمران :١٥٩)

Ayat di atas menjelaskan tanggungjawab berdakwah.

(i) ڤاتاكن ڤڠرتين كلمة يڠ برݢاريس [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** sifat yang perlu ada pada seseorang pendakwah. [2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** kepentingan mesyuarat dalam menentukan sesuatu keputusan. [2 markah]

(iv) Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa bertawakkal
Nyatakan **dua** hikmah tawakkal. [2 markah]

(v) Terangkan kepentingan berakhlak mulia ketika berdakwah. [2 markah]

 © 2012 Hak Cipta JPNT 

(b) **Sabda Rasulullah SAW:**

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ (ص) كُلُّ سُلاَمَى مِنَ النَّاسِ
عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيْهِ الشَّمْسُ, تَعْدِلُ بَيْنَ الإِثْنَيْنِ صَدَقَةٌ, وَتُعِيْنُ الرَّجُلَ
فِيْ دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ, وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ،
وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيْهَا إِلَى الصَّلاَةِ صَدَقَةٌ, وَتُمِيْطُ الأَذَى عَنِ الطَّرِيْقِ صَدَقَةٌ.
(رواه البخارى ومسلم)

**Hadis di atas menyatakan tentang amalan sedekah.**

(i) Apakah maksud sedekah. **[2 markah]**

(ii) Nyatakan **dua** adab yang perlu dipatuhi ketika bersedekah. **[2 markah]**

(iii) Jelaskan **dua** kesan sedekah terhadap masyarakat. **[2 markah]**

(c) **Tulis semula rangkai kata yang bergaris dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.**

(i) **Menghormati ibu bapa dituntut** oleh syarak kerana (ii) **amalan tersebut memberi kebaikan** kepada seseorang didunia dan di akhirat. (iii) **Oleh itu hindarkanlah diri** daripada menjadi (iv) **anak yang tidak beradab.**

**[4 markah]**

2 (a) Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَىْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ
وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾ ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ
رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

(S. al-Baqarah : 155 – 156 )

**Ayat di atas menerangkan tentang ujian Allah SWT kepada manusia.**

(i) باتاكن ڤغرتين كلمة يڠ بركاريس **[2 markah]**

(ii) **Nyatakan dua** contoh musibah yang menimpa manusia. [2 markah]

(iii) **Jelaskan dua** sikap orang mukmin apabila ditimpa musibah. [2 markah]

(iv) Bilakah kalimah "إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ" sering diucapkan ? [2 markah]

(v) Jelaskan tujuan Allah SWT menguji manusia dengan **pelbagai** musibah. [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِيْ يُعْلَى شِدَادِ بِنْ أَوْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ (ص) قَالَ : إِنَّ اللهَ
كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوْا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا
الذِّبْحَةَ وَلْيُحِدْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِحْ ذَبِيْحَتَهُ.

( رواية مسلم )

Hadis di atas menerangkan kewajipan berlaku ihsan terhadap binatang.

(i) Jelaskan **dua** perlakuan ihsan ketika menyembelih. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** contoh penganiayaan terhadap binatang. [2 markah]

(iii) Apakah kesan penganiayaan terhadap binatang ? [2 markah]

 © 2012 Hak Cipta JPNT 

(c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi

| |
|---|
| Persaudaraan dan perpaduan merupakan elemen penting dalam Islam. Tamadun Islam dapat dibangunkan dengan pesat sekiranya perpaduan diberi keutamaan. Sebaliknya umat akan menjadi lemah jika berlaku perpecahan. |

[4 markah]

## Bahagian B

[80 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

3 (a) Rajah di bawah menerangkan asas akidah Islam.

| |
|---|
| X |
| Islam |
| Y |

Rajah 1

(i) Nyatakan X dan Y. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** usaha anda untuk menjadi mukmin sejati. [4 markah]

(b) Ar –Rahman dan Ar-Rahim adalah antara asmaul-husna yang menunjukkan kesempurnaan sifat-sifat Allah SWT.

(i) Apakah maksud Ar-Rahman ? [2 markah]

(ii) Jelaskan kesan beriman dengan Ar-Rahman. [2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara sifat Ar-Rahman dan Ar-Rahim [4 markah]

(c) Semua amalan manusia akan ditimbang dengan al-mizan pada hari akhirat.

(i) Jelaskan kepentingan beriman dengan al-Mizan [2 markah]

(ii) Keimanan terhadap al-Mizan boleh menjana sifat adil dalam diri seorang murid.

Terangkan **dua** cara mengamalkan sifat adil di sekolah. [4 markah]

4 (a) (i) Jadual 2 di bawah menunjukkan syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah.

| |
|---|
| Islam |
| X |
| Mempunyai kelebihan harta pada malam dan siang hari raya. |

Jadual 2 [2 markah]

Lengkapkan jadual di atas dengan jawapan yang betul

(ii) Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta. [4 markah]
Jelaskan **dua** perbezaan antara zakat fitrah dan zakat harta.

(iii) Berapakah kadar zakat fitrah. [2 markah]

 © 2012 Hak Cipta JPNT 

(b) (i) Apakah maksud najis mughallazah? [2 markah]

(ii) Jelaskan cara anda menyucikan kaki yang terpijak najis anjing. [2 markah]

(c) (i) Setiap insan pasti akan mati.
Nyatakan **dua** tindakan awal terhadap seseorang yang baru meninggal dunia [2 markah]

(ii) Jenazah yang telah sempurna dikapankan hendaklah disembahyangkan.
Jelaskan **dua** syarat sah solat jenazah. [2 markah]

**Soalan 4 (d) (i) hingga 4 (d) (iv).**

| Sah | Tidak batal | Harus | Sunat | Tidak Sah |
|---|---|---|---|---|

**Jadual 3**

(d) Berdasarkan jadual 1 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut.

(i) Irfan Hadi dalam keadaan berwuduk berjabat tangan dengan En. Lim. [1 markah]

(ii) Ayuni sengaja melewatkan sahur untuk berpuasa esoknya. [1 markah]

(iii) Syahmi tidak membacakan doa selepas takbir yang keempat semasa solat jenazah bapanya. [1 markah]

(iv) Syakir membayar cukai pendapatannya dengan niat mengeluarkan zakat harta. [1 markah]

5 (a) Dalam usaha mengukuhkan kedudukan umat Islam di Madinah, Rasullullah SAW telah melaksanakan beberapa langkah antaranya pembentukan Piagam Madinah.

(i) Jelaskan langkah lain selain Piagam Madinah. [1 markah]

(ii) Nyatakan **dua** asas penting Piagam Madinah. [2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** kesan Piagam Madinah kepada kehidupan masyarakat Madinah. [4 markah]

(b) Pembukaan kota Mekah (Fathu Makkah) merupakan kejayaan besar Rasullullah SAW dan umat Islam dalam penyebaran Islam.

(i) Jelaskan **dua** strategi Rasulullah SAW dalam pembukaan Mekah. [2 markah]

(ii) Nyatakan kesan pembukaan kota Mekah. [2 markah]

(c) Saidatina Khadijah binti Khuwailid ra merupakan wanita pertama memeluk Islam.

(i) Apakah hubungan beliau dengan Rasullullah SAW. [1 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau kepada perkembangan Islam. [ 2 markah]

 © 2012 Hak Cipta JPNT 

**Soalan 5 (d )(i) dan 5 (d) (ii)** berdasarkan jadual di bawah:

| ذِكْرِ ٱللَّهِ | لِلصَّلَوٰةِ | يُؤْمِنُون | هُدًى | خَيْرٌلَّكُمْ | يُوقِنُون |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |

**Jadual 4**

(d) **Berdasarkan jadual di atas, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis huruf dan jawapan yang betul sahaja.**

(i)

وَٱلَّذِينَ ___P___ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِٱلْأَخِرَةِ هُمْ ___Q___ ﴿٤﴾

أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ ___R___ مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

[ 3 markah ]

(ii)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِيَ ___S___ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْاْ إِلَىٰ ___T___

وَذَرُواْ ٱلْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ ___U___ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

[ 3 markah ]

6 (a) Guru adalah golongan yang memberi pendidikan atau ilmu kepada anak-anak dan masyarakat selain ibu bapa.

(i) Senaraikan **dua** adab berguru yang perlu dipatuhi oleh pelajar [2 markah]

(ii) Cadangkan **dua** perkara yang boleh anda lakukan untuk mengenang jasa dan pengorbanan guru. [4 markah]

(iii) Jelaskan **dua** akibat derhaka kepada guru. [4 markah]

(b) Persatuan Pendidikan agama Islam sekolah anda telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Taman Tamadun Islam dan sempat menunaikan solat di Masjid Kristal.

(i) Senaraikan **dua** adab ketika masuk ke dalam masjid. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** fungsi masjid ke arah melahirkan manusia yang cemerlang di dunia dan di akhirat. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** kelebihan menjaga adab-adab di masjid dan surau. [4 markah]

## KERTAS SOALAN TAMAT

 © 2012 Hak Cipta JPNT 

WWW.SMKADG.COM

SULIT

**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2012 45/1 (PP)

**PENDIDIKAN ISLAM**

**TINGKATAN TIGA**

**Kertas 1**

**Peraturan Pemarkahan**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak **Cipta Jabatan Pelajaran Terengganu**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 7 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah]**
**SULIT**

 © 2012 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Terengganu

**Bahagian A**

| Soalan | | | Contoh jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | **Pengertian kalimah bergaris:**<br>🏛 dan bermesyuaratlah dengan mereka.<br>🏛 orang-orang yang bertawakkal. | 2x1m=2m |
| | | (ii) | **Dua sifat yang perlu ada .pada seseorang pendakwah:**<br>🏛 Pemaaf<br>🏛 Bijaksana<br>🏛 Mesyuarat<br>🏛 Bertawakkal<br>🏛 Lemah lembut<br>🏛 Menepati janji<br>🏛 Memohon keampunan untuk orang lain<br>**[ Mana-mana yang munasabah diterima]** | 2x1m=2m |
| | | (iii) | **Dua kepentingan mesyuarat :**<br>🏛 dihormati oleh orang lain<br>🏛 memuaskan hati semua pihak<br>🏛 mendapat keputusan yang baik<br>🏛 mengeratkan hubungan silaturrahim<br>**[Mana-mana yang munasabah diterima]** | 2x1m=2m |
| | | (iv) | **Dua hikmah tawakkal :**<br>🏛 bersifat tawadduk<br>🏛 sabar menghadapi kesulitan<br>🏛 tidak menyalahkan orang lain<br>🏛 bersyukur apabila mendapat kejayaan<br>🏛 tenang dan tabah apabila menerima kegagalan<br>**[Mana-mana yang munasabah diterima]** | 2x1m=2m |
| | | (v) | **Kepentingan bersifat mulia ketika berdakwah :**<br>🏛 Menarik minat orang bukan Islam / untuk memeluk agama Islam<br>🏛 Imej umat Islam dipandang tinggi / dalam kalangan bukan Islam<br>🏛 Dakwah dapat diterima dengan mudah / menerusi teladan yang baik<br>**[Mana-mana yang munasabah diterima]** | 1x2m=2m |
| | (b) | (i) | **Sedekah ialah :**<br>Memberi sesuatu yang bernilai kepada orang yang memerlukannya. | 1x2m=2m |
| | | (ii) | **Dua adab ketika bersedekah :**<br>🏛 Memberi dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan.<br>🏛 Menunjukan muka yang manis ketika memberi sedekah.<br>🏛 Bersedekah dari sumber yang halal.<br>🏛 Tidak mengungkit-ungkit sedekah yang diberikan.<br>🏛 Berusaha menyembunyikan pemberian daripada diketahui orang ramai.<br>**[Mana-mana yang munasabah diterima]** | 2x1m=2m |
| | | (iii) | **Dua kesan sedekah terhadap masyarakat:**<br>🏛 Membentuk masyarakat penyayang<br>🏛 Membantu memenuhi keperluan masyarakat spt. mangsa banjir.<br>🏛 Menaikkan imej masyarakat Islam.<br>🏛 Mewujudkan masyarakat yang harmoni.<br>🏛 Dapat mengumpul dana untuk membantu golongan yang memerlukan.<br>**[Mana-mana yang munasabah diterima]** | 2x1m=2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | **Menjawikan :**<br>i- مغحرمتي ايبو باڤ دتونتوت<br>ii- عملن ترسبوت ممبري كبا‌ئيقن<br>iii- اوليه ايت هيندركنله ديري<br>iv- انق يڠ تيدق برادب<br>⇮ Huruf cerai, tidak diterima<br>⇮ ejaan mengikut jawi DBP. | **Catatan:**<br>Perkataan betul dan markah<br>1-4 : 1m<br>5-8 : 2m<br>9-12 : 3m<br>13-16 : 4m |
| 2 | (a) | (i) | **Maksud perkataan bergaris:**<br>⇮ dan jiwa<br>⇮ ujian. | 2x1m=2m |
| | | (ii) | **Dua contoh musibah yang menimpa manusia :**<br>⇮ kelaparan / kebuluran<br>⇮ kematian orang yang disayangi<br>⇮ perasaan takut / gerun kepada musuh<br>⇮ kekurangan hasil tanaman<br>⇮ kemalangan<br>**[ mana-mana yang munasabah diterima ]** | 2x1m=2m |
| | | (iii) | **Dua sikap orang mukmin apabila ditimpa musibah :**<br>⇮ menerima dengan redha<br>⇮ tidak berputus asa<br>⇮ tidak menyalahkan takdir<br>⇮ bertawakkal kepada Allah SWT<br>⇮ segera mengucapkan kalimah "innalillahi wainna ilaihi raji`un"<br>**[ mana-mana yang munasabah diterima ]** | 2x1m=2m |
| | | (iv) | **Kalimah di atas diucapkan ketika :**<br>⇮ mendengar berita kematian<br>⇮ ditimpa / melihat kemalangan<br>⇮ ditimpa / melihat kebakaran<br>⇮ banjir / gempa bumi / tsunami<br>**[ mana-mana yang munasabah diterima ]** | 2x1m=2m |
| | | (v) | **Tujuan Allah SWT menguji manusia :**<br>⇮ meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT<br>⇮ dapat melahirkan mukmin yang tabah menghadapi cabaran hidup<br>⇮ mendidik jiwa menjadi hamba yang redha<br>⇮ mendidik jiwa menjadi hamba yang bersyukur<br>⇮ mendidik jiwa supaya menjadi hamba yang bertawakkal kepada Allah SWT. | 1x2m=2m |
| | (b) | (i) | **Dua perlakuan ihsan ketika menyembelih :**<br>⇮ membaringkannya di tempat yang rata<br>⇮ menggunakan pisau yang tajam<br>⇮ memberi minum sebelum disembelih<br>⇮ tidak menyembelih binatang yang bunting<br>⇮ menyembelih dengan cepat | 2x1m=2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua contoh penganiayaan terhadap binatang:**<br>- memusnahkan habitat binatang<br>- memukul dan menyeksa binatang<br>- menyabung atau melaga binatang<br>- mengurung bintang tanpa memberi makan<br>- memelihara binatang dalam sangkar | 2x1m=2m |
| | | (iii) | **Kesan penganiayaan terhadap binatang:**<br>- dimurkai Allah / diazab di akhiat<br>- hati menjadi keras<br>- bersikap kasar / bengis / dan tidak bertolak ansur.<br>- dibenci masyarakat | 2x1m=2m |
| | (c) | | **Menjawikan:**<br>ڤرساوداراٴن دان ڤرڤادوان مروڤاکن ايليمن ڤنتيڠ دالم إسلام . تمدون<br>إسلام داڤت دباغونکن دڠن ڤست سکيراڽ ڤرڤادوان دبري<br>کأوتاماٴن . سباليقڽ اومت اکن منجادي لمه جک برلاکو ڤرڤچهن .<br><br>- Perkataan yang dieja dengan betul sahaja akan diambil kira dalam pemberian markah<br>- Huruf cerai, tidak diterima<br>- ejaan mengikut jawi DBP.<br>- Perkataan yang sama dikira 1 sahaja. | Catatan:<br>Bil.perkataan betul<br>1m : 1-4<br>2m : 5-8<br>3m : 9-12<br>4m : 13-16 |
| 3 | (a) | (i) | X - Iman<br>Y - Ihsan | 2x1m=2m |
| | | (ii) | **Dua usaha untuk menjadi mukmin sejati ialah :**<br>- Mempelajari ilmu fardu ain dan fardu kifayah.<br>- Beramal dengan ilmu yang memberi manafaat.<br>- Berdampingan dengan para ilmuan.<br>- Merancang masa depan.<br>- Sentiasa membaca al-Quran / berzikir<br><br>**[ Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ]** | 2x2m=4m |
| | *(b)* | (i) | Maksud Ar-Rahman ialah Maha Pemurah | 1x2m=2m |
| | | (ii) | **Kesan beriman dengan sifat Ar-Rahman ialah** :<br>- Memupuk sifat pemurah.<br>- Bersyukur kepada Allah SWT<br>- Bersifat merendah diri.<br>- Berkasih sayang sesama makhluk.<br>- Belas kasihan kepada orang miskin.<br>- Menjauhi maksiat. | 1x2m=2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Dua perbezaan antara Ar-Rahman dan Ar-Rahim**<br>**Ar-Rahman** / **Ar-Rahim**<br>• Untuk semua hamba sama ada Islam atau bukan Islam. / 1.Khusus untuk orang beriman sahaja.<br>• Untuk nikmat di dunia sahaja. / 2.Untuk nikmat di dunia dan akhirat. | 2x2m=4m |
| | (c) | (i) | **Kepentingan beriman dengan al-Mizan ialah** :<br>• Mendorong menjadi rajin dan istiqamah dalam melakukan amal soleh.<br>• Memantapkan akidah.<br>• Memantapkan sakhsiah | 1x2m=2m |
| | | (ii) | **Dua cara mengamalkan sifat adil di sekolah ialah :**<br>• Memberi hak orang lain (1m) supaya tidak teraniaya (1m)<br>• Menggunakan harta sekolah dengan cermat (1m) supaya tidak membazir (1m)<br>• Tenang membuat keputusan (1m) agar semua pihak berpuas hati (1m)<br>**[ Isi = 1 markah / Huraian = 1 markah ]** | 2x2m=4m |
| 4 | (a) | (i) | **Syarat wajib zakat fitrah.**<br>• Hidup pada akhir ramadan dan awal syawal. | 1x2m=2m |
| | | (ii) | **Perbezaan antara zakat fitrah dengan zakat Harta.**<br>Zakat Fitrah / Zakat Harta<br>• Bulan ramadan / • Sepanjang tahun.<br>• Hanya makanan asasi saja. / • Harta tertentu ./ contoh diterima | 2x2m=4m |
| | | (iii) | **Kadar zakat fitrah :**<br>• Satu gantang Baghdad / 2.7 kg. | 1x2m=2m |
| | (b) | (i) | **Maksud najis mughallazah :**<br>Anjing,babi dan keturunan keduanya. | 1x2m=2m |
| | | (ii) | **Cara menyucikan najisanjing:**<br>• Dibuang najis tersebut / ain najis anjing<br>• Dibasuh dengan 1 kali air tanah dan 6 kali air mutlak/ 7 kali termasuk sekali air tanah dan 6 kali air mutlak. | 2x1m=2m |
| | (c) | (i) | **Dua tindakan awal terhadap si mati.**<br>• Menutup mata mayat.<br>• Melembutkan sendi mayat.<br>• Meletakkan sesuatu yang sederhana berat di atas perut mayat<br>• Menutup Aurat si mayat. | 2x1m=2m |
| | | (ii) | **Dua syarat sah solat jenazah.**<br>• Jenazah telah dimandikan<br>• Jenazah telah dikafankan.<br>• Menghadap kiblat.<br>• Jenazah berada dihadapan orang yang solat( tidak termasuk jenazah ghaib) | 2x1m=2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | HUKUM | | |
| | | (i) | i- Tidak batal | 1x1m=1m |
| | | (ii) | ii- Sunat | 1x1m=1m |
| | | (iii) | iii- Sah | 1x1m=1m |
| | | (iv) | iv- Tidak sah | 1x1m=1m |
| 5 | (a) | (i) | **Langkah lain selain Piagam Madinah :**<br>⇑ Mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar<br>⇑ Membina Masjid | 1x1m=1m |
| | | (ii) | **Dua Asas Piagam Madinah** *( rujuk buku teks Ting 3 m/s 217)*<br>⇑ Bersumberkan wahyu<br>⇑ Nabi Muhammad SAW sebagai ketua negara<br>⇑ Kebebasan beragama<br>⇑ Menjaga hubungan baik sesama anggota<br>⇑ Menegakkan keadilan<br>⇑ Memberi perlindungan kepada bukan Islam | 2x1m=2m |
| | | | **Dua Kesan kepada kehidupan masyarakat Madinah ;**<br>⇑ Mempunyai kebebasan hak bersuara menuntut keadilan<br>⇑ Rakyat berpuashati dibawah pemerintahan yang adil<br>⇑ Wujud masyarakat bersatupadu<br>⇑ Wujud masyarakat yang aman / keamanan terjamin<br>⇑ Masyarakat dihormati oleh negara luar<br>⇑ Rakyat dilindungi hak –haknya<br>⇑ Dapat melaksanakan Islam secara menyeluruh | 2x2m=4m |
| | (b) | (i) | **Dua strategi semasa pembukaan kota Mekah**<br>⇑ Membuat 3 tuntutan<br>⇑ Membina khemah<br>⇑ Menyalakan unggun api<br>⇑ Memberi tawaran keselamatan | 2x1m=2m |
| | | (ii) | **Kesan pembukaan Mekah :**<br>⇑ Tanah Haram menjadi kawasan larangan bagi bukan Islam<br>⇑ Dakwah Islam berkembang pesat<br>⇑ Masyarakat Mekah hidup aman damai<br>⇑ Penduduk Mekah memeluk Islam secara beramai-ramai | 1x2m=2m |
| | (c) | (i) | **Hubungan beliau dengan Rasullullah :**<br>⇑ Isteri Rasullullah (yang pertama) | 1x1m=1m |
| | | (ii) | **Sumbangan Saidatina Khatijah ra :**<br>⇑ Memberi sokongan kepada perjuangan suami<br>⇑ Setia dan jujur kepada suami<br>⇑ Memberi sumbangan harta untuk perjuangan Islam<br>⇑ Memberi sumbangan idea<br>⇑ Memahami tanggungjawab suami dan yakin dengan kebenaran yang dibawa oleh Rasullullah SAW | 2x1m=2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | (i) | P – 3<br>Q – 6<br>R - 4 | 3x1m=3m |
| | | (ii) | S – 2<br>T – 1<br>U - 5 | 3x1m=3m |
| 6 | (a) | (i) | **Dua adab berguru yang perlu dipatuhi oleh pelajar :**<br>⇑ berdoa<br>⇑ berwudhu`<br>⇑ memberi tumpuan ketika belajar<br>⇑ beramal dengan ilmu yang dipelajari<br>⇑ bersedia dengan bahan pembelajaran<br>⇑ memakai pakaian bersih dan bersopan | 2x1 m=2m |
| | | (ii) | **Dua perkara untuk mengenang jasa dan pengorbanan guru :**<br>⇑ menghormati guru sepanjang masa<br>⇑ menziarahi guru pada hari perayaan<br>⇑ mengeratkan hubungan silaturrahim<br>⇑ mendoakan kebaikan dan kebajikan mereka<br>⇑ mengucap terima kasih ketika memperolehi kejayaan. | 2x2m=4m |
| | | (iii) | **Dua akibat derhaka kepada guru :**<br>⇑ tlmu yang dipelajari tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT.<br>⇑ Akhlak Tidak bermoral<br>⇑ Ketinggalan dalam bidang pelajaran<br>⇑ Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif<br>⇑ Susah memahami dan mengingati ajaran guru. | 2x2m=4m |
| | (b) | (i) | **Dua adab ketika masuk ke dalam masjid:**<br>⇑ menanggalkan kasut atau selipar<br>⇑ mendahulukan kaki kanan<br>⇑ membaca doa<br>⇑ mengucapkan salam kepada orang yang berada di dalam masjid | 2x1m=2m |
| | | (ii) | **Dua fungsi masjid:**<br>⇑ Pusat ibadat bagi umat Islam.<br>⇑ Pusat pembangunan keluarga dan sosial.<br>⇑ Pusat persinggahan dan khidmat musafir.<br>⇑ Pusat kegiatan Islam seperti majlis ilmu.<br>⇑ Tempat perhimpunan dan penyatuan umat Islam.<br>⇑ Pusat penyelidikan dan perbincangan ilmiah. | 2x2m=4m |
| | (c | | **Dua kelebihan menjaga adab-adab di masjid dan surau :**<br>⇑ Dapat melakukan ibadat / seperti solat dengan selesa dan khusyuk.<br>⇑ Melahirkan suasana tenang / agar tidak mengganggu orang yang sedang beribadat<br>⇑ Orang yang menjaga kebersihan masjid / dipandang mulia .<br>⇑ Menarik minat orang bukan Islam / untuk mendekati Islam . | 2x2m=4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**